



JABATAN PERANGKAAN  
MALAYSIA

DOSM/BK/Perlis/9.2020/Siri16

# BULETIN KHAS NEGERI



*"Sebanyak 46.6 % dari 168,182 individu yang bekerja sendiri hilang pekerjaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."-  
**Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin,  
Ketua Perangkawan Malaysia***


Perlis menyumbang **0.4 peratus** kepada ekonomi nasional pada tahun 2018 dengan merekodkan nilai ditambah **RM5.9 bilion** (2017: RM5.7 bilion). **Sektor Perkhidmatan** dan **Pertanian** merupakan dua (2) sektor yang mendominasi struktur ekonomi Perlis. Kedua-dua sektor ini masing-masing menjana **RM3.9 bilion** (**65.9 peratus**) dan **RM1.3 bilion** (**21.5 peratus**) kepada nilai KDNK Perlis.

## Jumlah Pelaburan Domestik Yang Diluluskan di Perlis, 2017 dan 2018

Pelaburan Domestik (RM'000)	
2017	2018
525,000	8,000

MIDA melaporkan nilai pelaburan domestik yang diluluskan di Perlis pada tahun 2017 adalah **RM525.0 juta**, manakala pada tahun 2018 jumlah pelaburannya yang diterima adalah **RM8.0 juta**.


*"Kerajaan Perlis hari ini mengumumkan 17 insentif bagi membantu mengurangkan beban rakyat terutama mereka yang hilang punca pendapatan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan wabak koronavirus (Covid-19)." - YAB Menteri Besar Perlis, 22 Mac 2020*



Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Perlis 2018

Sumber gambar: <https://www.maisinggaah.com/>

Penduduk : 259.2 Ribu  
Kepadatan Penduduk : 316/km<sup>2</sup>



128.7 Ribu      130.5 Ribu

Kadar Kesuburan : 2.3  
Kadar Kelahiran Kasar : 17.6  
Kadar Kematian Kasar : 8.0

Bil. Hospital : 1 buah  
Bil. Klinik Kerajaan : 44 buah

Bil. Katil Hospital  
2016 - 408 katil  
2017 - 508 katil



Bil. Doktor  
2016 - 527 orang  
2017 - 573 orang

Bil. Jururawat  
2016 - 1,287 orang  
2017 - 1,692 orang

Sumber: MyLocal Stats Perlis, 2018

Jumlah **perdagangan** melalui pintu keluar dan masuk Perlis bagi bulan Mac 2020 bernilai **RM0.4 bilion** (Mac 2019: RM0.7 bilion). Nilai ini menyumbang **0.3 peratus** kepada keseluruhan jumlah perdagangan Malaysia pada bulan Mac 2020.

Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Perlis



Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Perlis, 2019

	RM Juta		
	Eksport	Import	Jumlah Perdagangan
PADANG BESAR	3,864	3,596	7,460
LAIN-LAIN	97	60	156
<b>PERLIS</b>	<b>3,961</b>	<b>3,655</b>	<b>7,616</b>

Pada tahun 2019, Perlis mencatatkan jumlah eksport (melalui pintu keluar dan masuk) bernilai **RM4.0 bilion** dan jumlah import bernilai **RM3.7 bilion**. **Padang Besar** merupakan pintu keluar dan masuk utama bagi aktiviti import dan eksport di Perlis pada tahun 2019.

Sumber: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan (Mac 2020)



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind





## JABATAN PERANGKAAN M A L A Y S I A

*"Setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) akan diberikan peruntukan RM10,000 secara one-off untuk pelbagai bantuan segera kepada rakyat di kawasan DUN masing-masing."*

**- Sinar Harian, 22 Mac 2020**

### Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Jenis Pelawat ke Perlis, 2017 Dan 2018

	2017	2018
Jumlah ('000)	1,413.6	2,155.5
Total		
Pelawat harian <i>Excursionist</i>	649.1	1,237.6
Pelancong <i>Tourist</i>	764.5	917.9

*Sumber: MyLocal Stats Perlis, 2018*

Tahun 2018 menunjukkan Perlis menerima 2.1 juta pelawat domestik. Daripada bilangan tersebut, 1.2 juta (57.4 peratus) merupakan pelawat harian dan 0.9 juta (42.6 peratus) adalah pelancong.

### Bilangan Pelawat yang Menginap di Hotel, Perlis, 2016 - 2018

Kategori	2016	2017	2018
Domestik	170.7	177.7	177.4
Antarabangsa	5.9	5.9	5.9
Jumlah ('000)	176.6	183.6	183.3

*Sumber: MyLocal Stats Perlis, 2018*


Lembaga Penggalakan Pelancongan melaporkan bahawa bilangan pelawat yang menginap di hotel Perlis telah menurun daripada 0.1833 juta pada 2017 kepada 0.1836 juta pada tahun 2018.

# BULETIN KHAS NEGERI

## Statistik Utama Tenaga Buruh, Perlis, 2018-2019

Tahun	Tenaga buruh ('000)	Penduduk bekerja ('000)	Penganggur ('000)	Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	Kadar pengangguran (%)
2018	107.6	104.0	3.6	62.7	3.4
2019	112.2	108.5	3.7	64.7	3.3


Pada tahun 2019, penduduk bekerja di Perlis adalah **108.5 ribu orang** dengan kadar penyertaan tenaga buruh adalah **64.7 peratus** (Malaysia: 68.7 peratus). Kadar pengangguran pada tahun 2019 menurun kepada **3.3 peratus** (Malaysia: 3.3 peratus) berbanding 3.4 peratus dicatatkan pada tahun 2018.



*Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, 2019*

### Penduduk Bekerja Mengikut Industri 2019, Perlis

Pada tahun 2019, Industri **perdagangan borong dan runcit; pemberian kenderaan bermotor dan motosikal** mencatatkan bilangan penduduk bekerja paling ramai di Perlis iaitu **17.8 ribu pekerja (16.4 peratus)** diikuti dengan industri **penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman, 15.9 ribu pekerja (14.7 peratus)**. Industri **pendidikan** dan **pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib** masing-masing mencatatkan **12.1 ribu pekerja (11.2 peratus)** dan **11.8 ribu pekerja (10.9 peratus)** pada tahun yang sama. Keempat-empat industri ini merupakan aktiviti utama yang menjadi tumpuan **53.1 peratus** pekerja di Perlis.



*Sumber: Population Quick Info*

### Unjuran Penduduk Negeri Perlis, 2020 Mengikut Kumpulan Umur

Komposisi umur penduduk di Perlis boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kumpulan umur muda (0-14 tahun), kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih).

Unjuran tahun 2020 menunjukkan penduduk di Perlis dimonopoli oleh kumpulan umur bekerja iaitu 66.9 peratus daripada keseluruhan penduduk diikuti kumpulan umur muda 24.3 peratus dan kumpulan umur tua 8.7 peratus.



JABATAN PERANGKAAN  
M A L A Y S I A

# BULETIN KHAS NEGERI



## Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama, <sup>1</sup>Kedah & Perlis, 2019 & 2020

KUMPULAN UTAMA	2019		2020	
	Mac	Feb	Mac	
<b>Jumlah</b>	<b>118.9</b>	<b>119.7</b>	<b>118.0</b>	
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	128.1	128.7	128.7	
Minuman Alkohol dan Tembakau	174.3	174.7	174.8	
Pakaian dan Kasut	88.4	87.8	87.7	
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	121.9	123.6	123.6	
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	113.2	113.1	113.5	
Kesihatan	117.3	118.2	118.2	
Pengangkutan	110.0	110.4	101.1	
Komunikasi	98.1	99.3	99.3	
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	112.3	113.8	113.8	
Pendidikan	108.4	109.5	109.5	
Restoran dan Hotel	128.0	128.9	128.7	
Pelbagai Barang dan Perkhidmatan	115.6	117.3	118.1	

Sumber: IHP, Mac 2020

<sup>1</sup> Indeks bagi dua negeri ini digabungkan memandangkan sumbangan relatif yang kecil bagi negeri-negeri tersebut

Indeks Harga Pengguna (IHP) negeri Kedah & Perlis menurun 0.8 peratus pada Mac 2020 kepada 118.0 berbanding 118.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP negeri Kedah & Perlis bagi Mac 2020 menurun 1.4 peratus kepada 118.0 berbanding Februari 2020.

"Mungkin ada peniaga yang tidak bertanggung jawab dan mengambil kesempatan menaikkan harga. Oleh itu, KPDNHEP akan laksanakan Skim Harga Maksimum," - **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 12 April 2020**

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Perlis, 2014 & 2016

	MALAYSIA		PERLIS	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b>				
Median	4,585	5,228	3,500	4,204
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b>	"	6.6	"	9.2
<i>Compounded annual growth rate</i>				
<b>Purata (RM)</b>				
Mean	6,141	6,958	4,445	4,998
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b>	"	6.2	"	5.9
<i>Compounded annual growth rate</i>				

Sumber: HIS,2016

Pekali Gini dan Insiden Kemiskinan, Malaysia dan Perlis, 2014 & 2016

	MALAYSIA		PERLIS	
	2014	2016	2014	2016
<b>Pekali Gini</b>				
<i>Gini Coefficient</i>	0.401	0.399	0.346	0.327
<b>Insiden Kemiskinan</b>				
<i>Incidence of poverty</i>	0.6	0.4	0.2	0.1

Sumber: HIS,2016

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah dan Purata Bagi Kumpulan Pendapatan Mengikut Pendapatan, Malaysia dan Perlis, 2016

	MALAYSIA		PERLIS	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b>				
Median				
<b>Terendah 40% -B40</b>	3,000		2,572	
<b>Pertengahan 40% -M40</b>	6,275		4,751	
<b>Tertinggi 20% -T20</b>	13,148		9,017	
<b>Purata (RM)</b>				
Mean				
<b>Terendah 40% -B40</b>	2,848		2,512	
<b>Pertengahan 40% -M40</b>	6,502		4,899	
<b>Tertinggi 20% -T20</b>	16,088		10,178	

Sumber: HIS,2016

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Perlis, 2014 & 2016

	MALAYSIA		PERLIS	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b>				
Median	2,946	3,314	2,239	2,921
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b>	"	5.9	"	13.3
<i>Compounded annual growth rate</i>				
<b>Purata (RM)</b>				
Mean				
<b>Terendah 40% -B40</b>	3,578	4,033	2,575	3,085
<b>Pertengahan 40% -M40</b>	"	6.0	"	9.0
<b>Tertinggi 20% -T20</b>				

Sumber: HIS,2016




# BULETIN KHAS NEGERI


JABATAN PERANGKAAN  
MALAYSIA

## Statistik COVID-19 Negeri Perlis


### Bilangan Kes Baharu Harian COVID-19, Perlis




### Bilangan Kumulatif Kes COVID-19, Perlis



### Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri




### Peratusan Kes Pulih, Aktif dan Kematian Mengikut Negeri



■ % Pulih ■ % Aktif ■ % Kematian

### Peratusan Kes Perlis Terhadap Malaysia



Nota : Dikemaskini sehingga 19 Mei 2020

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia





## Impak Covid-19 di Perlis

### Perkhidmatan Perhotelan

Sektor Perhotelan di Perlis **mencatatkan anggaran penurunan hasil pendapatan lebih tinggi pada bulan Mac 2020 iaitu 74.8% berbanding 30% pada bulan sebelum, tahun yang sama.**

Penurunan ini disebabkan oleh ketiadaan pengunjung atau tempahan diterima sejak mula pelaksanaan PKP pada 18 Mac 2020 dan juga ekoran pemberhentian sementara operasi.



### Perkhidmatan Jualan Runcit Barang Farmasi

Dapatan maklumat daripada beberapa pengusaha farmasi di Perlis mendapati, **hasil pendapatan pada bulan Mac 2020 secara purata telah meningkat 73% berbanding Februari 2020.**

Peningkatan ini disumbang oleh **jumlah pelanggan yang menggunakan khidmat farmasi telah meningkat sehingga 90%.**



Walaupun begitu, peningkatan hasil pendapatan farmasi di Perlis dipengaruhi oleh faktor lokasi perniagaan kerana beberapa **farmasi terletak di kawasan yang kurang pergerakan penduduk mendapati hasil pendapatan turun secara purata 40% dalam tempoh pelaksanaan PKP ini.**

### Perkhidmatan Pengangkutan (Aktiviti Kurier Selain Daripada Aktiviti Pos Nasional)

Hasil pendapatan dari perkhidmatan penghantaran barang yang dijalankan menunjukkan **penurunan secara purata 10% pada bulan Mac 2020 berbanding bulan sebelum tahun 2020.**

Tempoh operasi yang baharu bagi Isnin sehingga Jumaat memperuntukkan masa bermula dari **jam 8.30 pagi sehingga 4.30 petang berbanding 8.30 pagi sehingga 6.00 petang sebelum tempoh PKP.**



### Perkhidmatan Pengangkutan Teksi

Maklumat yang diperoleh daripada pemandu teksi, **hasil pendapatan sehari menunjukkan nilai kejatuhan pada kadar hampir 80%.**

**Bilangan khidmat pemandu teksi secara purata mula berkurangan**

sepanjang tempoh PKP dilaksanakan dari 15 orang sehari kepada 4 orang sehari. Ini berikutan **pengurangan jumlah pelanggan yang menggunakan khidmat teksi** ekoran pelaksanaan tempoh PKP dan penularan wabak COVID-19.



### Perkhidmatan Pengangkutan Bas

Syarikat Perkhidmatan Bas Ekspres Utama di Perlis **tidak menjalankan perniagaan dalam tempoh PKP.** Tindakan ini dibuat setelah pemakluman sekatan dilakukan oleh Pengurusan Bencana Negeri ke atas perjalanan yang melibatkan rentas negeri bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Kesan daripada pelaksanaan PKP ini juga, **didapati hasil pendapatan dari janaan jualan tiket jatuh 100% ekoran pemberhentian sementara operasi.** Dianggarkan kerugian yang lebih besar terpaksa ditanggung oleh perniagaan bas ekspress jika pelanjutan tempoh PKP diteruskan dalam tempoh waktu yang lama.





JABATAN PERANGKAAN  
MALAYSIA

# BULETIN KHAS NEGERI



## Impak Covid-19 di Perlis

### Pengusaha Stesen Minyak

Penjualan minyak di beberapa kawasan Negeri Perlis **mencatatkan nilai penurunan jualan liter pada bulan Mac 2020 iaitu 29.6% berbanding bulan Januari 2020**. Penurunan jualan liter minyak yang tinggi pada Mac 2020 berikutan oleh kesan penularan COVID-19 dan pelaksanaan PKP.

Manakala, **jualan hasil minyak beserta barang runcit** di beberapa stesen minyak Negeri Perlis turut **merekodkan penurunan pada bulan Mac dan Feb 2020 berbanding bulan Januari 2020, iaitu masing-masing pada kadar -27.5% dan -8.4%**.



### Pembuatan Roti dan Bakeri

Aktiviti beberapa pengusaha bakeri di Negeri Perlis adalah **berjalan seperti biasa dalam tempoh pelaksanaan PKP** berkonseptan kerja secara penggiliran. Walaupun begitu, **secara purata hasil pendapatan para pengusaha dilaporkan susut hampir 70% berbanding jualan pada bulan sebelumnya**.

Ini disumbangkan oleh **70% pengurangan jumlah pelanggan berbanding bulan Februari 2020** dan masalah ketidaktersediaan bahan mentah sebagai input utama pembuatan produk perniagaan ekoran kekangan pergerakan pihak pembekal.



### Perkhidmatan Makanan dan Minum

Dapatkan maklumat dari perusahaan francais segera di Negeri Perlis mendapat **berlaku peningkatan jualan 5% pada bulan Mac 2020 berbanding Februari 2020**. Walaupun pelaksanaan PKP bermula pada pertengahan Mac, tetapi dilaporkan berlaku peningkatan pesanan secara dalam talian oleh pembeli sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Manakala, **jualan pada bulan April 2020 pula dilaporkan berlaku penurunan 53% berbanding Mac 2020** disebabkan oleh pelaksanaan PKP yang diperketat dan juga ekoran bulan Ramadan.



### Percetakan

Syarikat percetakan menunjukkan **penurunan jualan secara purata 46.1% pada Mac 2020 berbanding Februari 2020**.



### Pembuatan Sarung Tangan Getah

Salah sebuah syarikat *essential* di Negeri Perlis yang terlibat dalam pembuatan sarung tangan getah **menunjukkan rekod positif dengan peningkatan jualan secara purata 56.9% pada bulan Mac 2020 berbanding bulan Februari 2020**.

Peningkatan hasil jualan pada Mac 2020 adalah disebabkan **permintaan sarung tangan getah yang tinggi bagi mencegah penularan wabak COVID-19**.





JABATAN PERANGKAAN  
MALAYSIA

# BULETIN KHAS NEGERI



## Impak Covid-19 di Perlis

### Pembuatan Simen

Nilai jualan di salah sebuah syarikat pembuatan simen **menunjukkan penurunan 46.4%** pada bulan Mac 2020 berbanding bulan Februari 2020.

### Pembuatan Perabot

**Nilai jualan purata menurun 79.3%** pada Mac 2020 berbanding Februari 2020.



### Pembuatan Besi

Sektor ini merekodkan nilai **penurunan jualan secara purata 73.1 % pada bulan Mac 2020 berbanding Februari 2020.**



### Pertanian - Tanaman

Hasil tanaman dalam **sektor pertanian di Perlis menunjukkan jumlah pengeluaran yang baik** dalam tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini disokong oleh laporan daripada Jabatan Pertanian Negeri Perlis yang mana tiada sebarang isu mengenai bekalan daun hijau (seperti sayur) di pasaran sekitar Negeri Perlis ketika ini.

Pihak **FAMA** juga telah mula membuka Pasar Tani Segar Terkawal pada 4 dan 5 April dan akan berterusan pada setiap Sabtu dan Ahad sepanjang tempoh PKP. Bagi pertanian berasaskan buah-buahan pula, dilaporkan anggaran pengeluaran buah Harumanis sehingga penghujung April 2020 adalah sekitar 114,864 kilogram.



### Perikanan

#### Aktiviti Penangkapan Ikan

Negeri Perlis merekodkan hasil tangkapan di Laut Pantai dan Laut Dalam pada bulan Mac 2020 berbanding Januari dan Februari 2020, masing-masing meningkat secara purata 4.9% dan 6.1% anggaran (tan metrik). Nilai perbandingan adalah berdasarkan kepada tempoh 14 hari aktiviti penangkapan bagi bulan Januari dan Februari dan 14 hari tempoh PKP pada bulan Mac 2020.

Tinjauan dari segi tempoh operasi aktiviti penangkapan ikan mendapati, berlaku **pengurangan 40% hingga 50% operasi nelayan tradisi**. Manakala tempoh **operasi aktiviti penangkapan bagi nelayan komersial pula turut berlaku pengurangan sekitar 50% hingga 70%** berbanding operasi normal.

Jabatan Perikanan Negeri Perlis juga turut **menganggarkan kerugian pendapatan pada bulan Mac 2020 untuk hasil Laut Pantai adalah sekitar 40% hingga 50%** berbanding bulan Januari dan Februari tahun yang sama. Manakala bagi hasil *vesse*/dari Laut

Dalam adalah menghampiri 50% kerugian semasa.



### Akuakultur

Dapatan daripada Jabatan Perikanan Negeri Perlis, aktiviti sektor akuakultur kategori ikan makan (air tawar) secara purata berlaku **pengurangan 26.07 % hasil pengeluaran (tan metrik) pada Mac 2020.**

Bagi kategori ikan makan (air payau) pula secara purata turut berlaku **pengurangan 19.56 % hasil pengeluaran (tan metrik) pada Mac 2020.**

Aktiviti akuakultur kategori ikan hiasan turut menunjukkan **penurunan secara purata 11.13% bagi pengeluaran (unit ekor) pada bulan Mac 2020.** Untuk pengeluaran (unit ekor) aktiviti akuakultur kategori benih ikan pada bulan Mac 2020 mencatatkan **peningkatan secara purata 26.06 %.**



JABATAN PERANGKAAN  
M A L A Y S I A

# BULETIN KHAS NEGERI




## Pertanian - Ternakan

Aktiviti penternakan di Negeri Perlis turut dipengaruhi oleh penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020.

Hasil dapatan maklumat daripada pengusaha penternakan ayam api-api didapati tidak berlaku sebarang jualan ternakan pada bulan Januari sehingga Mei 2020. Ini kerana pada bulan ini, dikhususkan untuk penjagaan, perawatan dan pembiakan ternakan ayam api-api. Dimaklumkan penjualan hasil ternakan ayam api-api akan mula dilaksanakan pada bulan Jun sehingga Ogos 2020.

Walaupun begitu, aktiviti penternakan ini turut terkesan dengan pelaksanaan PKP terutama untuk mendapatkan bekalan makanan bagi haiwan ternakan akibat kekangan pergerakan yang dihadapi oleh pembekal dari luar Negeri Perlis bagi menghantar bekalan kepada pengusaha ternakan.

Dilaporkan juga oleh pengusaha ternakan, **peningkatan 20% pada harga jualan bekalan makanan berbanding harga biasa.**



## Tabung Bencana Negeri Perlis

Sejak penularan COVID-19 dan pelaksanaan PKP sebagai langkah memutuskan jaringan penularan wabak, **sebilangan rakyat Negeri Perlis telah dilaporkan hilang sumber pendapatan** sekaligus menambah bebanan mereka untuk menampung kehidupan sehari-hari. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Perlis telah dan sedang berusaha sedaya upaya untuk membantu

Golongan yang terkesan teruk pada waktu ini. Namun begitu, beban perbelanjaan ke atas Kerajaan Negeri untuk membantu mereka yang terkesan ini amatlah besar. Oleh itu, **Kerajaan Negeri Perlis telah melancarkan TABUNG BENCANA NEGERI PERLIS** sebagai usaha sama dalam membantu golongan yang terjejas akibat pelaksanaan PKP.

Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan sumbangan derma wang tunai daripada individu perseorangan, syarikat perniagaan, organisasi korporat, Pertubuhan Kerajaan dan Bukan Kerajaan untuk sama-sama menghulurkan bantuan pada masa kini.

## Impak Covid-19 di Perlis

### Sub-sektor Pendidikan

Kesan daripada PKP ini, **hampir 100% Pusat Pendidikan di Malaysia** diarah untuk **tidak beroperasi dalam tempoh** pelaksanaan PKP termasuklah Negeri Perlis. Oleh itu, kerajaan Negeri Perlis telah mengambil inisiatif dengan kerjasama Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs), Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs) dan Kementerian Pendidikan Malaysia Negeri Perlis melancarkan program *Tuisyen Online & Perlis Mengaji*.

Program ini adalah bagi menjamin kelestarian sumber pendidikan kepada masyarakat Negeri Perlis terhadap pelbagai lapisan masyarakat dalam tempoh pelaksanaan PKP. Bermula 1 April sehingga

14 April 2020,

masyarakat

Negeri Perlis boleh mengikuti siaran langsung menerusi

*Facebook JAIPs*  
dan *Suara Sunnah*



*Channel* untuk menyertai program ini.





JABATAN PERANGKAAN  
M A L A Y S I A

# BULETIN KHAS NEGERI

## #DOSMBACA #DUDUKDIRUMAH

### Harian Metro, 22 Mac 2020 (Ahad)

#### Covid-19: Perlis Umum 17 Insentif Ringankan Beban Rakyat BERNAMA

PERLIS hari ini mengumumkan 17 insentif khas bagi meringankan beban rakyat di negeri itu yang terkesan dengan penularan wabak Covid-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/557368/covid-19-perlis-umum-17-insentif-ringankan-beban-rakyat>

### Berita Harian, 26 Mac 2020 (Khamis)

#### Maips Tambah Dana Bantuan RM1.08 Juta

Dziyaul Afnan Abdul Rahman, bhnews@bh.com.my

KANGAR: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) memperuntukkan dana bantuan tambahan sebanyak RM1,086,200 kepada golongan yang terjejas pendapatan dan asnaf di negeri ini berikutan perlanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga 14 April.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/03/669389/maips-tambah-dana-bantuan-rm108-juta>

### The Star, 14 April 2020 (Selasa)

#### States Offer Alternatives to Traders During Ramadan

KANGAR: Perlis has allowed food traders in the state to operate from home and along the roadside during the movement control order (PKP) period in the upcoming fasting month as an alternative to not having Ramadan bazaars this year.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/14/states-offer-alternatives-to-traders-during-ramadan>

### Malay Mail, 5 Mei 2020 (Selasa)

#### 14-day Quarantine For All Entering Perlis During CPKP, Says MB



KANGAR, May 5 — All individuals entering Perlis during the conditional movement control order (CPKP) are required to undergo a 14-day quarantine at the quarantine centre, said Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man.

<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/05/14-day-quarantine-for-all-entering-perlis-during-cpkp-says-mb/1863326>

**Penafian:** Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

### Berita Harian, 24 Mac 2020 (Selasa)

#### Sedia RM2.61 Juta Bantuan Asnaf Dzyiaul Afnan Abdul Rahman bhnews@bh.com.my

KANGAR: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) memperuntukkan lebih RM2.61 juta sebagai bantuan kepada 13,091 golongan asnaf yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/03/668564/sedia-rm261-juta-bantuan-asnaf>

### The Star, 1 April 2020 (Rabu)

#### Aid For Perlis Tithe Prevent Leakage in Channeling of Aid, Says Raja Muda Perlis



KANGAR (Bernama): The Raja Muda of Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail has reminded all quarters to prevent leakage in the channeling of Covid-19 aid during the movement control order (PKP) to optimise the benefits for target groups.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/01/prevent-leakage-in-channelling-of-aid-says-raja-muda-perlis>

### Harian Metro, 22 April 2020 (Rabu)

#### Aktiviti Masjid di Perlis Ditunda Hingga 31 Mei

Dziyaul Afnan Abdul Rahman, am@hmetro.com.my

SOLAT jumaat, tarawih dan sebarang aktiviti pengimaranan masjid termasuk majlis iftar di Perlis ditangguhkan sehingga 31 Mei hadapan. Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail memberi perkenan kepada perkara itu melalui surat kepada Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin pada 17 April lalu.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/569845/aktiviti-masjid-di-perlis-ditunda-hingga-31-mei>

### Bernama.Com, 7 Mei 2020 (Khamis)

#### Jadikan Pertanian di Rumah Sebagai Normal Baharu - Raja Muda Perlis



RAAU, 7 Mei -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menyarankan rakyat negeri itu memanfaatkan masa ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan melakukan aktiviti pertanian di halaman rumah masing-masing.

<https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=1839369>

